



TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA TUAN MD YAHAYA BIN BASIMIN

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

**MAJLIS PERHIMPUNAN AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN DI
SARAWAK BIL 2/2010**

2 MAC 2010

AUDITORIUM, ARAS 17

BANGUNAN SULTAN ISKANDAR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahtullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha, Tuan Haji Romli A Hamid

(Pengarah LHDNM Negeri Sarawak)

Yang Berusaha, Encik Kamarudin Hashim

(Pengarah LHDNM Cawangan Kuching)

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin,
Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi serta Badan
Berkanun Persekutuan ,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati dan
sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan
kesyukuran kehadiran Illahi kerana dengan
limpah rahmat dan izin-Nya jua kita diberi

kesempatan dan peluang untuk berkumpul bersama dalam Majlis Perhimpunan Agensi-Agensi Persekutuan Di Sarawak untuk kali kedua tahun 2010 pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha, Tuan Hj Romli A Hamid, Pengarah LHDNM Negeri

Sarawak, para pegawai dan kakitangan khususnya atas kerjasama beliau dalam menjayakan majlis pada pagi ini.

Kita semua bersyukur kerana pertemuan secara langsung antara penjawat-penjawat awam Persekutuan dalam majlis yang penuh bermakna ini akan mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dan hubungan yang padu dan jitu

di antara kakitangan Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan supaya prestasi kerja kita dapat dipertingkatkan selaras dengan azam untuk memberikan perkhidmatan terbaik demi kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Sempena sambutan Maulidur Rasul pada 26 Februari 2010 yang lalu, kita perlu

mengambil iktibar daripada contoh terbaik melalui Junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. Sebagai ketua jabatan dan kakitangan awam, kita boleh mencontohi gaya pengurusan dan pendekatan yang telah digunakan oleh baginda Rasullullah dalam aspek pentadbiran, kawalselia dan kebajikan.

Rasullulah S.A.W. seorang yang berwawasan jelas, berlapang dada dalam menghadapi tekanan dan cabaran, serta bermusyawarah atau sering mengadakan perbincangan dalam mengurus perancangan dan membuat keputusan.

Dalam aspek kepimpinan berwawasan, baginda merupakan seorang pemimpin yang

berpandangan jauh dan mempunyai perancangan untuk jangka masa panjang. Sebagai pemimpin yang berwawasan, apa yang difikirkan bukan untuk diri baginda dan generasinya sahaja malah ditujukan kepada generasi akan datang. Dalam konteks kepimpinan negara dan perkhidmatan awam khususnya, kita perlu mempunyai objektif dan matlamat di dalam melaksanakan tugas

harian. Dengan adanya objektif dan matlamat yang jelas, kita dapat menjalankan tugas harian kita dengan berkesan. Sebagai contoh, dengan adanya matlamat dan gagasan yang telah diperkenalkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak iaitu 1Malaysia - “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, supaya kakitangan kerajaan akan sentiasa menfokuskan objektif dan

matlamat supaya apa yang telah dirancang akan dapat dilaksanakan dan dicapai.

Rasulullah S.A.W. adalah seorang yang mempunyai sifat berlapang dada dalam menangani tekanan atau cabaran. Baginda sentiasa tenang dalam menangani sesuatu masalah dan tidak mudah hilang punca serta pertimbangan setiap kali dibebani dengan

cabaran yang getir. Baginda juga seorang yang mengutamakan musyawarah iaitu mengadakan perbincangan sebelum membuat sesuatu keputusan yang melibatkan kepentingan ummah. Dengan senantiasa berlapang dada dan mengamalkan pendekatan bermesyuarah, lebih banyak idea dan input yang diperolehi. Sebagai penjawat awam, kita harus mengutamakan pendekatan

sebegini supaya sebarang keputusan yang dibuat dalam keadaan yang tenang dan setelah mengambilkira semua pandangan semestinya akan menghasilkan keputusan yang bijaksana dan praktikal.

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk/ Datin-Datin/
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah menjanjikan sebuah pentadbiran yang akan sentiasa memberi tumpuan kepada kehendak rakyat di mana turut dijanjikan tahap prestasi jentera pentadbiran yang kukuh bagi memastikan kehendak-kehendak rakyat tersebut benar-benar dapat direalisasikan. Y.A.B. Perdana

Menteri mengingatkan kepada semua anggota perkhidmatan awam bahawa kerajaan telah mengariskan 4 tonggak utama untuk dicapai bagi tahun 2010 iaitu :

- a) Gagasan 1Malaysia - Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,**
- b) Program Transformasi Kerajaan (GTP)**

c) **Model Ekonomi Baru ; dan**

d) **Rancangan Malaysia Kesepuluh**

Arahan Perdana Menteri No. 1 2009 yang

berkuatkuasa pada **1 Januari 2010**. Di antara

lain bertujuan untuk menterjemahkan aspirasi

dan komitmen kepimpinan negara

berlandaskan konsep **“1Malaysia: Rakyat**

Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.”

Arahan ini memberi fokus kepada

pengukuhan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam berteraskan aspek integriti merangkumi tujuh (7) terma rujukan iaitu:

(i) Dasar dan Perundangan;

Dalam hal ini kita kakitangan awam perlu mengenalpasti, mengkaji serta memperaku pindaan kepada mana-mana dasar dan perundangan kementerian, jabatan dan agensi. Lebih-lebih lagi

peraturan-peraturan yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan , mempertingkatkan kawalan terhadap perlakuan rasuah, penyelewengan , salah guna kuasa dan kelemahan pentadbiran.

(ii) Sistem dan Prosidur Kerja;

Pendekatan ini ialah supaya kita dapat memperbaiki kelemahan sistem dan prosidur kerja. Oleh itu, sebagai anggota Jabatan dan agensi Persekutuan

saya menyarankan agar kita mengenalpasti, mengkaji serta membuat cadangan berkenaan apa jua perubahan atau penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan serta memperkemaskini sistem dan prosidur kerja di jabatan masing-masing.

(iii) Nilai-nilai murni dan kod etika;

Aktiviti penggalakan, penerapan serta penghayatan nilai-nilai murni dan etika perlu dilaksanakan bagi memantapkan integriti warga kerja di jabatan dan

agensi daripada berlakunya gejala negatif. Ianya dapat dilaksanakan sekiranya segala dasar, perundangan, peraturan serta sistem dan prosidur kerja dapat digabungkan dan dilaksanakan melalui kaedah yang terbaik dan berkesan.

(iv) Pengurusan Pelanggan;

Apa yang perlu diwujudkan ialah pengurusan pelanggan yang strategik dan berkualiti dalam memperlihatkan penambahan nilai dan

pembaharuan secara berterusan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan. Satu bentuk sistem atau amalan mesra pelanggan wajar diwujudkan dan kepentingan pelanggan harus diutamakan supaya sistem penyampaian perkhidmatan yang diharapkan dapat diberikan kepada orang ramai.

(v) Kawalan Dalaman;

Jabatan dan agensi Persekutuan hendaklah meningkatkan kecekapan kawalan dalaman bagi

mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Ini kerana sekiranya kawalan dalaman yang lemah akan membuka ruang kepada perlakuan negatif. Sehubungan itu, arahan ini mensyaratkan supaya setiap kawalan dalaman berupaya untuk menggunakan kesemua sumber-sumber jabatan supaya dapat dipantau dan diukur.

(vi) Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan; dan

Pengurusan organisasi perlu adil dan tegas dalam mengambil tindakan terhadap sebarang salah laku oleh semua peringkat warga kerja. Saluran aduan yang cekap perlu disediakan untuk menerima pengaduan daripada mana-mana pihak yang terbabit. Pihak pengurusan perlu mengenalpasti dan peka kepada tanda-tanda kemungkinan wujudnya perlakuan negatif seperti rasuah dan salah guna kuasa.

(vii) Pengiktirafan dan Penghargaan.

Pegawai yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang perlu diberikan pengiktirafan dan penghargaan yang sewajarnya. kaedah ini memberi dorongan yang dapat menimbulkan kesedaran kepada semua pegawai supaya menolak elemen negatif dan berkhidmat dengan cekap, amanah dan penuh tanggungjawab.

**Y.Bhg. Datuk-Datuk/Datu/Tuan/Puan yang dihormati
sekalian**

Adalah penting keempat-empat tonggak ini tidak hanya menjadi **retorik** Kerajaan semata-mata, bahkan dihayati serta dilaksanakan oleh anggota Perkhidmatan Awam dengan bersungguh-sungguh. Ini kerana setiap agenda kerajaan yang diperkenalkan membawa pengertian yang amat mendalam

dari segi dasar, pendekatan dan perubahan yang hendak dibawa kepada rakyat.

Gagasan 1Malaysia hendaklah dilihat sebagai usaha murni Kerajaan untuk memacu ke arah kestabilan dan perpaduan nasional. Hanya melalui **perpaduan** yang kukuh, negara kita dapat menuju ke arah pencapaian yang lebih tinggi. Sehubungan itu, sebagai penjawat awam kita perlu memainkan peranan supaya

sebarang kegiatan subversif yang mengganggu gugat keharmonian kaum hendaklah ditangani segera.

Buku **Program Transformasi Kerajaan (GTP)** yang telah dilancarkan adalah satu garis panduan Kerajaan dalam melaksanakan agenda baru negara. Kita bertindak sebagai pelaksana kepada dasar-dasar dan agenda

Kerajaan, mempelopori satu transformasi minda, pemantapan etika kerja dan kaedah penyampaian perkhidmatan bagi menyokong agenda murni ini. Proses transformasi dari perkhidmatan awam sebagai enjin penggerak di era kemerdekaan negara kepada perkhidmatan awam yang bertindak sebagai kawalselia (regulator) dan fasilitator bagi memudahkan urusan sektor swasta adalah

satu transformasi yang penting. Perubahan ini telah diberi penekanan apabila Kerajaan memperkenalkan **Dasar Penswastaan** yang meningkatkan kerjasama sektor awam dan swasta untuk mempergiatkan proses pembangunan negara. Ternyata bagi Perkhidmatan Awam, gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” bukan sekadar satu retorik

semata-mata, bahkan ianya sebagai satu tuntutan dan amanah yang seharusnya ditunaikan. Sehubungan itu, saya berharap agar setiap daripada kita anggota perkhidmatan awam dapat mengambil inisiatif untuk membaca dan memahami isi kandungan dokumen-dokumen tersebut. GTP adalah peluang terbaik untuk meningkatkan imej Kerajaan di mata rakyat. **Model Ekonomi**

Baru (NEM) yang bakal dibentangkan oleh Y.A.B Perdana Menteri penghujung Mac 2010 adalah satu suntikan rangsangan kepada ekonomi negara supaya menjadi lebih berdaya saing dan kompetitif. Setiap anggota Perkhidmatan Awam hendaklah memberi sepenuh komitmen terhadap setiap ketetapan dan perancangan yang direncanakan oleh Kerajaan kepada rakyat.

3. Kerajaan sentiasa meletakkan keutamaan yang tinggi ke atas agenda '**mendahulukan rakyat**' melalui penyampaian perkhidmatan yang boleh memberi manfaat secara terus kepada mereka. **Sense of Urgency** atau kepantasan membuat keputusan dan melaksanakan dasar membawa kesan yang amat besar . Pada **7 Januari 2010** yang lalu, YAB Perdana Menteri

telah melancarkan operasi **Klinik 1Malaysia** yang dianggap sebagai **pelaksanaan program bajet terpantas** yang pernah dilakukan oleh Kerajaan. Ianya hanya mengambil masa lebih kurang **2 bulan** sahaja untuk merealisasikan inisiatif ini sejak ia diumumkan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan **Bajet 2010** pada Oktober tahun lalu. Komitmen yang tinggi serta

sokongan padu yang ditunjukkan oleh sektor awam dalam memenuhi aspirasi Kerajaan untuk menawarkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat seperti inilah yang dimaksudkan oleh Y.A.B Perdana Menteri.

Pihak swasta turut membangkitkan mengenai harapan supaya Perkhidmatan Awam mempertingkatkan **ketelusan serta koordinasi**

dan pendekatan bersepadu di antara
kementerian/agensi untuk **meningkatkan**
keberkesanan pentadbiran dan penyampaian
perkhidmatan. Disamping itu usaha-usaha
juga hendaklah diambil untuk mengurangkan
elemen-elemen negatif seperti **rasuah,**
penyalahgunaan kuasa, jenayah dan
sebagainya yang menjadi punca
peningkatan "***cost of doing business***". Inovasi-

inovasi bagi memudahkan aktiviti sektor swasta juga telah dilaksanakan melalui gabungan kerjasama sektor awam dan sektor swasta, termasuk melalui **Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)**.

Sejajar dengan hasrat pucuk pimpinan supaya sektor awam menghasilkan inovasi sebagai langkah meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatannya, semua kementerian dan

agensi Kerajaan telah diminta memperkenalkan kaedah-kaedah penyampaian inovatif yang dapat meningkatkan keselesaan rakyat semasa berurusan dengan jabatan dan agensi Kerajaan. Sehubungan ini, kita dapat melihat bahawa pelbagai usaha berteraskan prinsip "*Delighting the Customers*" sedang giat dipelopori oleh agensi barisan hadapan

Kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk/ Datin-Datin/
Tuan-Tuan/ Puan-Puan dihormati sekalian,**

5. Perkhidmatan Awam menyedari bahawa perkembangan dalam bidang teknologi khususnya **ICT** menyediakan **ruang dan peluang** terbaik bagi memperkasakan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Dalam perkara ini, pucuk pimpinan negara sering kali menegaskan peri pentingnya Perkhidmatan Awam memanfaatkan potensi ICT agar sistem penyampaian menjadi lebih

efektif, lebih menyeluruh dan lebih responsif. Dalam menyahut cabaran tersebut, Perkhidmatan Awam telah memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kemudahan perkhidmatan secara atas talian (online) untuk keselesaan rakyat dan pelanggan. Sehingga kini, Perkhidmatan Awam telah berjaya menyediakan **1,277** perkhidmatan atas talian untuk kegunaan pelanggan.

6. Sebagai contoh, inisiatif menyediakan kemudahan pembayaran melalui internet, bagi perkhidmatan-perkhidmatan atas talian telah disediakan oleh Kerajaan. Sehingga kini, terdapat sebanyak **162** perkhidmatan pembayaran menerusi **perbankan internet** telah ditawarkan oleh **93 agensi Kerajaan**. Inisiatif ini membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan tanpa perlu menghadirkan diri

ke kaunter perkhidmatan. Sebaliknya mereka diberi kemudahan untuk berurusan mengikut keselesaan masing-masing sama ada dari rumah atau di tempat kerja.

7. Kita perlu membantu Kerajaan menyakinkan rakyat bahawa Kerajaan adalah serius, memberi fokus dan bersungguh-sungguh untuk membantu dan berkhidmat

untuk rakyat. Bagi menambahkan lagi saluran interaksi di antara rakyat dan Kerajaan, inisiatif sistem pesanan ringkas atau ringkasnya **SMS** telah diperkenalkan bagi membolehkan Kerajaan memaklumkan kepada rakyat tentang maklumat-maklumat perkhidmatan yang disediakan. Antaranya, pemberitahuan tentang tarikh luput lesen memandu, notis bagi pungutan MyKad dan bermacam-

macam lagi, dengan harapan agar rakyat sentiasa dimaklumkan kedudukan terkini dan tidak tertanya-tanya, bahkan lebih yakin akan ketelusan proses dan operasi Kerajaan dalam menjaga kebajikan dan keperluan mereka. Semua pihak hendaklah memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan bahawa kakitangan awam dilihat oleh rakyat sebagai sebahagian daripada

Kerajaan yang memimpin dan menerajui perubahan dan transformasi negara.

**Yang Dihormati Datuk-datuk/ Datin-Datin/
Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,**

8. Kita sebenarnya pada masa ini telah berjaya menghapus atau setidak-tidaknya mengurangkan kerenah birokrasi di jabatan-jabatan Kerajaan yang lembab dan lewat.

9. Pada hari ini juga, kita boleh berbangga dengan satu lagi inisiatif yang telah membuktikan budaya kreativiti, inovasi dan pelaksanaan yang pantas masih subur di kalangan jabatan-jabatan kerajaan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan kerjasama PEMUDAH, Kementerian

Kewangan, MAMPU, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan SME Corp telah membangunkan konsep satu identiti korporat untuk pelbagai urusan pendaftaran dan rujukan antara agensi yang dikenali sebagai **MyCoID**. Dengan ini juga, rakyat dan

warga korporat kini tidak lagi akan dibebankan dengan beberapa nombor rujukan yang berlainan apabila berurusan dengan pelbagai agensi Kerajaan.

10. Kini urusan-urusan pendaftaran dan rujukan di agensi-agensi ini akan menggunakan hanya satu nombor sahaja iaitu nombor pendaftaran syarikat (company registration

number) yang dikeluarkan oleh **SSM** sebagai satu nombor rujukan tunggal. Ini juga merupakan satu langkah strategik ke arah mempermudah amalan perniagaan di Malaysia. **MyCoID** merupakan satu titik permulaan ke arah merevolusikan kaedah pendaftaran yang melibatkan antara agensi Kerajaan pada skala lebih baik namun tetap memudahkan rakyat. Saya amat yakin idea

inovatif **MyCoID** ini bukan sahaja memudahkan rakyat untuk berkecimpung dalam perniagaan, malahan juga akan dapat membantu mempertingkatkan aktiviti urus niaga domestik yang mampu menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Pencapaian ini merupakan satu bentuk tindakan menongkah arus yang wajar dicontohi oleh semua.

11. Saya juga menyeru kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan perlu mengamalkan disiplin kewangan yang jitu memandangkan kedudukan kewangan kerajaan adalah tidak mengizinkan pada ketika ini. Langkah berjimat-cermat amat dititikberatkan kerana Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah mengurangkan defisit bajet dengan berbelanja berdasarkan

prinsip '**value for money**'. Langkah ini akan membantu Kerajaan menguukuhkan kedudukan kewangan dan seterusnya dapat membelanjakannya bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan pada tahun 2012 kelak. Belanja Mengurus dalam Bajet 2010 terpaksa dikurangkan selaras usaha Kerajaan untuk mengurangkan defisit bajet daripada **7.5** peratus pada tahun **2008** kepada **5.6** peratus

pada tahun ini (2010). Di samping itu, untuk meningkatkan hasil Kerajaan, **Cukai Barangan dan Perkhidmatan akan dilaksanakan** dalam tempoh terdekat. Jika diteliti perbelanjaan emolumen untuk pembiayaan sektor awam ianya terus meningkat saban tahun. Hakikatnya kerajaan membelanjakan kira-kira **25** peratus daripada belanjawan pengurusan setiap tahun untuk emolumen sektor awam.

Pada tahun 2007 kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji asas kakitangan awam dari 7.5 peratus sehingga 35 peratus. Perbelanjaan untuk emolumen sektor awam pada tahun 2006 adalah sejumlah **RM 28.00 billion** untuk tujuan ini. Angka ini telah meningkat kepada **RM 32.00 billion** pada tahun 2007 dan terus naik kepada **RM 41.00 billion** pada tahun 2008 dan **RM 46.00 billion**

pada tahun 2009. Berdasarkan statistik tersebut, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk membayar emolumen kakitangan awam dan justeru itu rakyat mengharapkan pulangan yang setimpal berupa perkhidmatan yang berkualiti dan pelaksanaan projek pembangunan yang bermanfaat .

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk/ Datin- datin/
tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

12. Seperti yang diperkatakan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dalam menjayakan inisiatif transformasi, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian secara serius oleh Sektor Awam:

i. Pengurusan Perubahan Yang Berkesan

Kesediaan warga Sektor Awam melakukan perubahan minda dan cara bertindak merupakan kunci kepada kejayaan agenda transformasi. Pra-syarat kepada perubahan ini ialah kesediaan melihat sesuatu dari perspektif yang lebih luas dan memikirkan bagaimana

keadaan semasa boleh ditambah baik.
Given the modernization demands of the 21st century landscape, business can no longer be usual. It is no more a supplier dominated era, but of demand instead. We are faced with a whole new generation- less tolerant of the one-size-fits-all stereotype of public service delivery. Sesungguhnya kita tidak

mempunyai banyak pilihan- sama ada kita terus meredah lautan bergelora berbekalkan strategi dan semangat yang kental atau kita ditinggalkan hanyut dan terapung tanpa hala tuju dan harga diri.

ii. Pengukuhan Budaya Inovasi

Dalam dunia yang penuh dengan persaingan hari ini, kemampuan mereka

cipta dan menghasilkan idea baru menjadi penentu kemampuan berdaya saing. Dalam usaha menyemarakkan budaya inovasi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan perlu ditingkatkan. Ketua-ketua Jabatan perlu merangka strategi untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif serta menggalakkan persaingan yang sihat bagi menyemarakkan lagi

aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam bidang-bidang yang tidak hanya terhadap kepada sains dan teknologi tetapi juga dalam aspek pengurusan, perkhidmatan, reka bentuk dan sebagainya. *As leaders in your organizations, you are expected to inspire and motivate your people, promote intelligence, enhance creative thinking and explore new opportunities.*

lii. Pembudayaan Organisasi Pembelajaran

Agenda transformasi perlu meletakkan aspek penerokaan ilmu dan pemerkasaan intelek di tempat yang utama. Strategi yang berkesan perlu dibangunkan bagi memperoleh kepakaran global melalui jaringan pintar antarabangsa yang lebih luas. Sejarah

telah membuktikan kecemerlangan organisasi hanya dapat dibangunkan atas asas keilmuan dan penginstitutionan budaya organisasi pembelajaran oleh organisasi berkenaan. Dalam hubungan ini, pengurusan ilmu perlu dijadikan matlamat utama usaha-usaha pentransformasi Sektor Awam. Setiap kakitangan kerajaan perlu berusaha

untuk memajukan diri dengan menambahkan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang .

iv. **Pentakrifan Semula Peranan Sektor Awam**

Sektor Awam telah melaksanakan fungsinya dengan cemerlang dalam melakarkan sejarah kejayaan Negara sejak negara mencapai kemerdekaan

hingga sekarang. *Notwithstanding all our previous achievements, to ensure that our civil service is able to withstand the test of time and to survive in the environment of unprecedented change, their roles will need to evolve. The public sector should take the role of connectors and coordinators, apart from facilitators in wealth creation.* Dalam hubungan ini,

penjawat awam perlu diperkukuhkan kapasiti mereka melalui ilmu pengetahuan dan kompetensi. Dalam konteks ini, peranan the School of Government yang juga merupakan salah satu langkah yang dicadangkan semasa Bajet 2010 adalah kritikal dan amat menepati hasrat ini.

Kita menghargai peranan yang dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam membantu kerajaan dari segi kutipan hasil yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Ini kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan

penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan hartanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara kerajaan dengan Lembaga.

Adalah diharapkan agar Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga agensi-agensi lain

seperti Jabatan Kastam DiRaja Malaysia akan dapat mempertingkatkan prestasi masing-masing dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa cabaran yang mendepani negara amnya dan Sektor Awam khususnya adalah cukup

besar untuk kita berasa terlalu selesa dengan pencapaian kita setakat ini. Peranan kita selaku Ketua Jabatan dan kakitangan awam secara keseluruhannya adalah sangat kritikal dalam menerajui inisiatif perubahan yang telah pun kita mulakan ini. Dalam tahun 2010 ini dan seterusnya, saya berharap agar semua pihak dapat memperkukuhkan tekad dan azam untuk melaksanakan agenda

transformasi dengan sepenuh komitmen bagi menjulang nama negara serta membina mercu tanda bangsa gemilang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa yang telah menganjurkan perhimpunan ini khususnya Yang Berusaha Tuan Haji Romli A Hamid dan Encik Kamarudin Hashim dan

Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia Kuching kerana sudi menjadi tuan rumah bagi perhimpunan kita pada pagi ini.

Saya juga ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua rakan-rakan Ketua Jabatan dan kakitangan lain yang mula bertugas di Sarawak pada tahun ini. Insyaallah kita juga akan berusaha supaya kebajikan di kalangan penjawat

awam persekutuan di Sarawak terus diberi perhatian sewajarnya oleh pihak Kerajaan.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah. Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.